

30hb. September, 1978

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12/78**

Tuan,

### **SURAT PENGHARGAAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG BERSARA**

Saya adalah diarah menarik perhatian tuan kepada peruntukan dalam Arahan Perkhidmatan yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai dalam Kumpulan 'A' yang bersara dalam keadaan biasa, pilihan sendiri atau atas perakuan sesebuah Lembaga Perubatan layak diberi Surat-Surat Penghargaan sebagai penghormatan kepada perkhidmatan yang telah diberi oleh mereka kepada Kerajaan. Surat-Surat Penghargaan ini ditandatangani oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Y.B. Menteri-Menteri yang berkenaan, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mengikut tingkatan jawatan yang disandang oleh pegawai tersebut pada hari persaraaanya, iaitu seperti berikut :-

- |                                                                                                      |                                              |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| (i) Ketua Setiausaha Kementerian                                                                     | - Y.A.B. Perdana Kementerian Menteri.        |
| (ii) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian/ Menteri yang Ketua-Ketua Jabatan/ berkenaan. | - Y.B. Menteri Timbalan Ketua-Ketua Jabatan. |
| (iii) Pegawai-Pegawai Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas . (selain dari (i) dan (ii) di atas).      | - Ketua Setiausaha Negara                    |
| (iv) Pegawai-Pegawai dalam Kumpulan 'A' (selain dari (i), (ii) dan (iii) di atas).                   | - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam           |

2. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengadakan satu bentuk Surat Penghargaan yang baru yang lebih menarik dan memberi makna kepada pegawai-pegawai yang menerimanya.

Tindakan Oleh Ketua-Ketua Jabatan:

3. Surat-Surat Penghargaan ini akan disimpan dan seterusnya dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi Surat-Surat Penghargaan yang akan ditandatangani oleh Y.B. Menteri-Menteri yang berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan

menyediakan Surat-Surat Penghargaan yang kemudian akan dikemukakan kepada Y.B. Menteri-Menteri melalui Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian untuk ditandatangani sebelum dihantar kepada pegawai-pegawai yang akan bersara itu.

4. Untuk tujuan pengeluaran Surat-Surat Penghargaan, Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan ke Jabatan ini perakuan yang mengandungi butir-butir seperti di bawah bagi semua pegawai yang akan bersara dan layak diberi Surat Penghargaan :-

- (i) Nama penuh dan umur pegawai.
- (ii) Jawatan akhir dan tingkatan.
- (iii) Tarikh persaraan sebenar.
- (iv) Kurniaan-kurniaan yang pernah diterima.
- (v) Perakuan bahawa pegawai itu tidak mempunyai rekod jenayah atau tindakan tatatertib.
- (vi) Alamat pegawai (setelah bersara) supaya boleh dihubungi.
- (vii) Nama Y.B. Menteri yang akan menandatangani Surat Penghargaan itu (ini ialah bagi Surat-Surat Penghargaan yang akan ditandatangani oleh Y.B. Menteri mengikut para 1 (ii) di atas).

5. Untuk menentukan Surat-Surat Penghargaan itu akan dapat disampaikan pada masa yang berpatutan, Ketua-Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya menghantar perakuan - perakuan itu ke Jabatan Perkhidmatan Awam sekurang-kurangnya **3 bulan sebelum** pegawai - pegawai itu bersara.

6. Pengeluaran Surat-Surat Penghargaan ini akan hanya terhad kepada pegawai - pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan tidak termasuk pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera, Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang, Perkhidmatan Polis, Perkhidmatan Keretapi dan Perkhidmatan Awam Negeri.

7. Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta mengambil ingatan akan perkara ini dan sebarang keraguan hendaklah dirujukkan ke Jabatan ini untuk mendapatkan nasihat. Dengan keluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 1969** adalah dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SALLEH BIN YAHAYA)  
Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,  
Jabatan Perdana Menteri.  
Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian.  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.  
Y.B.Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.